



جابتن حال إحوال إكمام إسلام قولوا فينخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

TEKS KHUTBAH
RAMADAN...
KETIKA SENJA TERAKHIR
BERLABUH

Tarikh Bacaan:
20 MAC 2026M / 30 RAMADAN 1447H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Mantan Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Ramadan... Ketika Senja Terakhir Berlabuh

20 Mac 2026M/ 30 Ramadan 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah dengan sebenar-benar takwa, iaitu dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Ketakwaan itulah sebaik-baik bekalan yang akan menyelamatkan kita di dunia dan di akhirat.

Kini, tiba hari Jumaat terakhir bagi Ramadan tahun ini. Hari yang menyaksikan titisan air mata keinsafan bercampur kerinduan hanya kerana bulan yang penuh rahmat ini bakal melangkah pergi. Ramadan, tetamu agung yang datang dengan kelembutan dan kasih sayang, kini bersiap untuk berangkat pulang.

Mimbar pada hari ini akan membicarakan tajuk yang bakal menyentuh hati dan emosi iaitu: **Ramadan... Ketika Senja Terakhir Terlabuh.**

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Marilah kita renung sejenak, ingatkah lagi bagaimana keadaan hati kita sewaktu Ramadan mula menjelma? Kita menyambutnya dengan doa, dengan harapan, dengan azam yang sangat teguh untuk berubah.

Namun, lihatlah diri kita hari ini. Apakah azam itu telah benar-benar ditunaikan? Apakah hati ini telah menjadi lebih lembut, lebih tunduk, lebih dekat kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**? Persoalan yang lebih besar ialah, di saat Ramadan sedang melambai tangan untuk pergi, adakah kita sudah bersedia untuk melepaskannya?

Alangkah ruginya ketika Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** menurunkan rahmat, pengampunan bagi hamba-hamba-Nya yang sujud dan menangis setiap malam, namun peluang itu sering dilepaskan begitu sahaja saban hari atas kelalaian sendiri.

Kini, peluang keemasan itu bakal berlalu. Suasana tarawih yang sering bergema dengan suara bacaan Al-Quran yang merdu, kemeriahan rumah Allah setiap malam, semua itu pasti akan menjadi kenangan yang amat dirindui. Entah bila kita akan bertemu dengan generasi yang menangis pemergian Ramadan. Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** memuji dan menjanjikan ganjaran bagi setiap jiwa yang menghidupkan Ramadan dengan amal ibadah.

Firman Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dalam surah Fatir ayat 29:

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنْفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ

تِجْرَةً لَّيَنْ تَبُورَ ﴿٢٩﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya orang yang selalu membaca kitab Allah dan mendirikan solat serta membelanjakan sebahagian rezeki yang Kami anugerahkan kepada mereka secara sembunyi atau terbuka, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapkan perdagangan yang tidak akan mengalami kerugian.”

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Para sahabat **رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ** melalui Ramadan dalam suasana yang sangat berbeza daripada kita. Siang mereka dihiasi ibadah dan takwa dan malam mereka dipenuhi dengan qiyam yang panjang dan dibasahi air mata. Mereka takut Ramadan berlalu tanpa keampunan, sedangkan kita tenang menanti Syawal tanpa penyesalan.

Mereka adalah golongan terpilih yang tidak pernah membiarkan Ramadan berlalu begitu sahaja. Di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah **رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ**, bahawa Rasulullah **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** bersabda:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Maksudnya: “Siapa yang berpuasa di bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapkan keredaan Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*, maka akan diampunkan dosanya yang telah lalu”. (Hadis Riwayat Al-Bukhari)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Berbaki beberapa detik sahaja lagi untuk kita tebus kelalaian selama ini. Tingkatkan tenaga dan upaya maksimum bagi mencapai anugerah keampunan dan kebahagiaan yang tersedia. Setiap nafas yang tersisa di saat ini adalah peluang keemasan yang belum tentu akan kembali.

Berdoalah kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* agar segala amalan kita diterima dan dianugerahkan istiqamah selepas Ramadan. Janganlah dibiarkan Ramadan berakhir tanpa sebarang perubahan pada diri. Ingatlah seusai berlabuhnya senja terakhir Ramadan nanti, malaikat akan menutup segala lembaran keistimewaan bulan yang mulia ini. Apakah nama kita tercatat sebagai insan yang dibebaskan daripada api neraka atau hamba yang mensia-siakan peluang keemasan?

Apa yang lebih meresahkan, di pagi Syawal ketika lafaz takbir Allahu Akbar (*الله أكبر*) bergema, hati masih terpenjara dengan dosa lama. Bagaimana mahu kita meraikan kemenangan, kalau nafsu masih menjadi raja dan iman terus menjadi hamba, terikat tanpa suara.

Khatib berdoa dari mimbar yang mulia ini agar berlalunya Ramadan tahun ini turut membawa segala dosa kealpaan dan sifat mazmumah yang masih berbaki dalam diri. Semoga segala ibadah Ramadan kita diterima Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Bagi mengakhiri khutbah, mimbar menggariskan beberapa kesimpulan:

Pertama: Ramadan merupakan ruang terbaik untuk menggapai keredaan dan keampunan Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Kedua: Contohi akhlak para Salafus Soleh bagaimana mereka mengisi bulan Ramadan dengan sebaiknya.

Ketiga: Istiqamah melakukan ibadah di setiap masa dan keadaan, bukan bermusim dan berkala sifatnya.

Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dalam surah al-Asr:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالْعَصْرِ ۝١ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ۝٢ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا
بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ۝٣

Maksudnya: “Demi masa, sesungguhnya manusia berada dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, saling berpesan tentang kebenaran dan kesabaran.”

﴿Surah al-Asr ayat 1-3﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2026M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2019 yang bersidang pada 13 dan 14 Februari 2019 telah memutuskan:

Hukum Iktikaf dan Solat Tahiyatul Masjid di Surau Yang Didirikan Solat Jumaat adalah **tidak disunatkan**. Ini kerana memang jelas nama musolla atau surau itu bukan dimaksudkan sebagai masjid, walaupun didirikan di dalamnya solat berjemaah lima waktu, solat Jumaat serta solat sunat yang lain seperti Tarawih, Aidilfitri, Aidiladha dan lain-lain.

Muslimin Rahimakumullah,

Bagi tuan-tuan yang berhasrat untuk berwakaf, pihak Wakaf MAINPP telah menjalinkan kerjasama strategik dengan Bank Simpanan Nasional

(BSN) dalam menyediakan platform wakaf yang mudah, selamat dan mesra pengguna untuk semua individu serta agensi kerajaan, swasta dan korporat. Melalui kerjasama ini, sumbangan wakaf boleh dilaksanakan dengan pelbagai kaedah seperti mesin ATM atau CDM, perbankan internet, aplikasi mudah alih, kod QR DuitNow, ejen bank, pendebitan keuntungan akaun simpanan serta di kaunter cawangan BSN.

Antara inisiatif yang diperkenalkan ialah wakaf tunai melalui pendebitan keuntungan akaun simpanan GIRO. Menerusi kaedah ini, keuntungan bulanan yang diperoleh daripada akaun simpanan pelanggan akan disalurkan secara automatik kepada pihak Wakaf MAINPP tanpa menjejaskan atau menolak baki simpanan pokok pelanggan. Pendekatan ini memberi peluang kepada kita untuk berwakaf secara konsisten dan berterusan setiap bulan dengan cara yang lebih mudah dan sistematik.

Tuan-tuan yang ingin mendapatkan maklumat lanjut boleh berkunjung ke mana-mana cawangan BSN atau ke kaunter-kaunter Wakaf MAINPP. Semoga usaha kecil yang berterusan ini menjadi saham akhirat yang berkekalan.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ
الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَوِلَايَةَ فُؤَلَاوِ فِينِغَ آمِنًا مُطْمَئِنًّا
سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُؤَسَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيْعَتِكَ، اللَّهُمَّ
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka
Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib,
Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato'
Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

“Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang;
Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang istiqamah mendirikan
solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat MAINPP dan
melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP.

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta
berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri
Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-
ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.”

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ
عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولاه فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG